

12/06/2014 - Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Perdana Menteri 2013

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia;

YBhg. Tan Sri Hj. Shukry bin Mohd. Salleh,
Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan;

YBhg. Datuk Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff,
Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi

Yang Berbahagia Datuk Othman bin Haji Mahmood,
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan,
Jabatan Perdana Menteri;

Yang Berbahagia Tan Sri, Dato' Seri, Datuk-Datuk, Datin-Datin Ketua-Ketua
Pengarah Jabatan dan Agensi di bawah JPM;

Yang dihormati dan diraikan Penerima-Penerima Anugerah Perkhidmatan
Cemerlang JPM bagi tahun 2013; dan

Saudara-Saudari yang saya hormati sekalian.

1. Marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat serta keizinan-Nya jua, dapat kita berhimpun pada hari ini bagi **meraikan pegawai-pegawai cemerlang Jabatan Perdana Menteri bagi penilaian prestasi tahun 2013**. Sesungguhnya Majlis Anugerah

Perkhidmatan Cemerlang ini merupakan suatu bentuk penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Jabatan Perdana Menteri di atas segala jasa, sumbangan dan pengorbanan mereka dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai penjawat awam, baik dalam menjalankan tugas rasmi mahupun penglibatan aktif di dalam kegiatan sukan, sosial dan kemasyarakatan.

2. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada kesemua **1,762 warga cemerlang Jabatan Perdana Menteri** yang terdiri daripada:
 - **1,747 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)**; dan
 - **15 orang penerima Sijil Penghargaan Jabatan Perdana Menteri**. Sijil Penghargaan JPM telah diperkenalkan pada tahun lalu sebagai penghargaan dan pengiktirafan kepada pegawai-pegawai kontrak dari pelbagai skim yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang dan komitmen yang tinggi di sepanjang tahun.
3. Majlis kali ini juga akan sekali lagi menyampaikan Anugerah Khas JPM, yang memberi pengiktirafan kepada **seorang penerima terbaik** daripada keseluruhan penerima APC 2013. Pegawai ini dipilih berdasarkan kepada **prestasi cemerlang yang berterusan sepanjang perkhidmatannya di dalam Perkhidmatan Awam**, dan telah menerima lebih tiga kali Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sepanjang perkhidmatannya daripada sekurang-kurangnya dua jabatan atau agensi yang berbeza. Pegawai ini turut dinilai dari aspek kewibawaan, keterampilan dan penglibatan dalam memberi sumbangan terhadap pembangunan dan kesejahteraan masyarakat dan negara.
4. Di samping itu, saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada **semua 58 Jabatan dan Agensi di bawah JPM** yang telah bersama-sama menganjurkan majlis APC pada tahun ini. Ini jelas menunjukkan **semangat kerja berpasukan yang tinggi**, dan **semangat kekitaan yang jitu** antara kita di bawah bumbung Jabatan Perdana Menteri. Selaras dengan dasar penjimatan dan perbelanjaan berhemah yang dilaksanakan sekarang, kerjasama dan usaha kolaboratif antara agensi ini, walaupun bukan sesuatu perkara baru, dapat dimantapkan lagi agar setiap pihak berkepentingan mampu mengoptimumkan sumber terkumpul dan mencapai hasil yang lebih baik.

5. Ke arah itu, bagi tahun-tahun yang akan datang, saya ingin mengingatkan semua Ketua Jabatan di JPM supaya melaksanakan hanya satu majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang di peringkat JPM, dan tidak melaksanakan majlis secara berasingan di Jabatan atau Agensi masing-masing. Ini bagi memastikan penjimatan kos dapat dilaksanakan, dan pada masa yang sama, mendukung dasar Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

BUDAYA KECEMERLANGAN

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Kerajaan sentiasa komited dalam mengiktiraf budaya kerja cemerlang, komitmen dan jasa yang diberikan oleh penjawat awam dengan menyediakan pelbagai jenis anugerah atau ganjaran. Melalui anugerah seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, saya berharap ia dapat menggalakkan pegawai dan kakitangan untuk terus memberikan sepenuh perhatian dan daya usaha untuk **mempertingkatkan produktiviti dan mutu kerja yang berkualiti tinggi**, dan sekali gus menjadikan perkhidmatan Kerajaan kekal sebagai **perkhidmatan yang diyakini oleh rakyat**, dan **menepati kehendak dan ekspektasi mereka**. Pengiktirafan ini juga seharusnya mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan semua penjawat awam untuk membuktikan keupayaan masing-masing bagi menghasilkan perkhidmatan yang terbaik.
7. Saya suka mengingatkan bahawa pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini bukan hanya sebagai pendorong dan pengiktirafan kepada anggota yang telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang semata-mata. Bahkan dalam skop yang lebih luas lagi, Anugerah ini merupakan **satu langkah membudayakan kecemerlangan menyeluruh dalam semua aspek pengurusan dan penyampaian perkhidmatan Kerajaan**, khususnya di JPM.
8. Dalam mengikuti langkah Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan yang menjadi dua agensi peneraju agenda transformasi perkhidmatan awam, JPM juga sedang dalam usaha untuk memantapkan **Pelan Transformasi JPM** yang memberi fokus kepada hala tuju JPM sebagai sebuah Kementerian. Transformasi yang akan dilaksanakan di JPM ini adalah dari

perspektif yang holistik, mencakupi modal insan, struktur organisasi, proses penyampaian perkhidmatan dan nilai yang dikongsi bersama.

9. Bagi merealisasikan transformasi yang dirancang, penglibatan semua warga JPM amat diperlukan, sama ada secara *top-down* dan *bottom-up*. Pelan Tindakan Transformasi yang sedang digubal akan dapat dilaksanakan dengan berkesan sekiranya setiap warga JPM dapat bersama-sama melaksanakan tugas di luar kebiasaan dan mencari pendekatan yang kreatif dan inovatif untuk mendapatkan hasil yang diinginkan. Sesungguhnya, pekerja yang cemerlang adalah asas kegemilangan organisasi.

LIMA PRINSIP “TIANG SERI NEGARA”

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

10. Di kesempatan ini, saya ingin mengingatkan saudara-saudari sekalian tentang saranan Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kita semasa perhimpunan Hari Pekerja Perkhidmatan Awam pada 1 Mei yang lalu. Beliau telah menegaskan bahawa penjawat awam merupakan “Tiang Seri Negara” yang menjadi harapan rakyat, dan kualiti perkhidmatan penjawat awam seharusnya selari dengan era kepantasan masa (*speed*). Penjawat awam mesti dilengkapi dengan ilmu, kemahiran dan kebolehan tertentu yang bertunjangan kepada ciri-ciri sendiri, khususnya lima prinsip seperti berikut:

- i. membudayakan ilmu dengan membaca dan mengikuti latihan yang boleh meningkatkan kompetensi diri;
- ii. mempamerkan sikap kebolehpercayaan dan keperibadian integriti yang tinggi bagi meningkatkan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan awam;
- iii. mempraktikkan amalan-amalan terbaik (*best practices*) yang dinamik, progresif dan sentiasa menepati masa agar dapat mencerminkan kewibawaan sebagai penjawat awam;
- iv. menanam semangat patriotisme yang tinggi dalam diri dan menunjukkan rasa cinta kepada negara; dan

- v. memberi penekanan dari segi keberhasilan atau *outcome*, berbanding *output*, bagi meningkatkan mutu dan kualiti kerja dengan bersandarkan kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI).
11. Saya percaya bahawa saudara-saudari warga JPM boleh mempraktikkan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini, dan menunjukkan prestasi kerja yang semakin berkualiti dan sentiasa menambahbaik mutu perkhidmatan yang disampaikan. Pada masa yang sama, jangan kita lupa kepada konsep "Merakyatkan Perkhidmatan Awam", agar kita menjadi penjawat awam yang prihatin kepada keperluan rakyat, rajin untuk turun padang dan sentiasa terbuka kepada maklum balas.
12. Semua ini penting kerana para hadirin semua merupakan tulang belakang kepada pembangunan negara, dan segala usaha yang dilaksanakan dalam tugas harian sebagai penjawat awam menyumbang kepada kemajuan negara kita. Sebagai contoh, prestasi Program Transformasi Kerajaan atau GTP, seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 12 Mei 2014, adalah sesuatu yang boleh dibanggakan oleh penjawat awam. Ketujuh-tujuh Bidang Keberhasilan Utama atau NKRA telah melebihi sasaran pencapaian iaitu 104 peratus. Laporan World Competitiveness Yearbook yang diterbitkan pada 22 Mei 2014 pula telah melaporkan bahawa daya saing Malaysia di peringkat antarabangsa juga telah meningkat ke kedudukan ke-12 dari kedudukan ke-15 pada tahun sebelumnya. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku tahun pertama 2014 pula telah mencapai 6.2 peratus, iaitu pertumbuhan paling tinggi dalam tempoh lima sukuan, sekali gus menandakan permulaan baik untuk mencapai sasaran pertumbuhan 5.5 peratus bagi keseluruhan tahun ini.
13. Segala pencapaian ini adalah hasil titik peluh seluruh warga kerja perkhidmatan awam, baik dari bermulanya menggubal dasar-dasar yang bersesuaian untuk membangunkan negara, dan seterusnya, memastikan dasar-dasar tersebut dilaksanakan dengan sempurna, mengikut perancangan, dan dengan penuh integriti, telus dan bertanggungjawab. Jangan kita sesekali lupa tentang amanah besar yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita sebagai penjawat awam, dan jangan kita mengecewakan harapan rakyat.

HARAPAN DAN PESANAN

Para hadirin yang dihormati sekalian,

14. Hari ini merupakan satu hari yang amat bermakna dalam sejarah perkhidmatan awam saudara-saudari. Di kesempatan ini, suka saya menyampaikan beberapa pesanan kepada saudara-saudari sebagai bekalan untuk menelusuri hari-hari yang mendatang yang penuh cabaran dalam kerjaya masing-masing:

Integriti

- **Integriti yang tinggi** merupakan asas atau tunjang utama kepada kelangsungan kejayaan dan kemakmuran negara. Tidak kira di mana kita ditempatkan, berkhidmatlah dengan **penuh integriti, jujur, berdedikasi, ikhlas dan amanah.**

Berfikir Secara Kritis dan Konstruktif

- Jadikanlah **berfikiran secara kritis dan konstruktif**, khususnya dalam usaha **mencari penyelesaian secara kreatif dan inovatif**, sebagai satu kelaziman. Lantas, saya menyeru warga Jabatan Perdana Menteri mencetuskan **idea-dea baru** secara aktif untuk sentiasa memperbaiki kualiti dan tahap penyampaian perkhidmatan sektor awam, selaras dengan prinsip "**Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**".

Penjawat Awam Sebagai Agen Transformasi

- Sebagai seorang penjawat awam, kita memainkan peranan sebagai **agen transformasi paling hadapan** dan menjadi **perantaraan antara rakyat dan Kerajaan yang berkesan** ke arah menjayakan agenda transformasi negara. Dengan itu, jadilah agen transformasi yang berkesan, dengan hanya menyampaikan maklumat yang **sahih dan dari sumber yang betul, jelas, tepat dan mudah difahami** oleh rakyat.

Kebajikan

- Sebagai menghargai tanggungjawab dan kesetiaan yang telah ditunjukkan oleh penjawat awam, pelbagai insentif dan kemudahan telah dan akan dilaksanakan demi menjaga kebajikan penjawat awam.
- Sebagai contoh, dari aspek pembangunan kerjaya, Kerajaan akan melaksanakan **kajian terperinci bagi menawarkan peluang kemajuan kerjaya bagi skim tertutup**. Sebagai penyelesaian jangka pendek, Kerajaan telah memperkenalkan kaedah **Khas Untuk Penyandang** (KUP) bagi meningkatkan motivasi penjawat awam.
- Bagi mengatasi masalah di mana penjawat awam sukar untuk memiliki rumah pula, **Skim Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia** (PPA1M) telah diperkenalkan pada tahun lepas, dengan rumah yang ditawarkan berharga 30% lebih rendah dari harga pasaran. Perbadanan PR1MA Malaysia juga turut menyediakan rumah mampu milik untuk membantu penjawat awam dan memastikan kebajikan penjawat awam sentiasa dijaga.

PENUTUP

Para hadirin yang dihormati sekalian,

15. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada pegawai dan agensi Jabatan Perdana Menteri yang telah dipilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013. Adalah penting setiap komitmen dan pencapaian cemerlang bukan hanya diteruskan malah sentiasa dipertingkatkan, agar dengan kesungguhan berkenaan dapat mendukung usaha Kerajaan ke arah kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat. Selaras dengan tema Hari Pekerja 2014 iaitu “Pekerja Berinovasi Pemacu Transformasi”, marilah kita bersama-sama menjadi tunjang bagi membina sebuah perkhidmatan awam yang lebih dinamik, cemerlang dan gemilang.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.